

01 APR 1996

INSTITUT TEKNIKAL JEPUN-MALAYSIA AKAN DIBUKA DI P.PINANG MENJELANG 1998

PULAU PINANG, 1 April (Bernama) -- Institut Teknikal Jepun-Malaysia akan mula beroperasi sebagaimana dijadual pada 1998, kata Duta Jepun ke Malaysia, Issei Nomura.

Beliau berkata kumpulan pertama seramai 200 orang pelajar tempatan akan menghadiri kursus-kursus seperti kejuruteraan elektronik dan mekatronik di institut itu di Bukit Minyak, Seberang Perai Selatan di sini.

Institut itu ditubuhkan ekoran perjanjian antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatan Jepunnya, Tomiichi Murayama sewaktu Murayama melawat Malaysia dua tahun lepas, kata Nomura selepas pertemuan singkat dengan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon di sini hari ini.

Beliau berkata institut seperti itu sangat diperlukan di Malaysia yang telah maju dan juga untuk mencapai wawasannya.

Menurut Nomura Pulau Pinang akan menjadi pusat bagi latihan-latihan seperti itu bukan sahaja untuk orang muda di Malaysia tetapi juga dari negara jiran seperti Indonesia dan Filipina. -- Bernama

NH WAT AHH